

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN NO. 462**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan dan sasaran kitar semula untuk setiap peringkat yang telah berulang kali gagal tanpa sebarang alasan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar kitar semula kebangsaan telah memperlihatkan pencapaian yang positif setiap tahun seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Kadar Kitar Semula</b>
2013	10.5%
2014	13.2%
2015	15.7%
2016	17.5%
2017	21%
2018	24.6%
2019	27% * <b>Sasaran</b>
2020	30% * <b>Sasaran</b>

2. Pada peringkat awal, sasaran kadar kitar semula kebangsaan adalah sebanyak 22% menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun sasaran tersebut telah dipinda kepada 30% berdasarkan jangkaan kebolehcapaian kadar kitar semula.

3. Untuk makluman, pengiraan kadar kitar semula kebangsaan adalah berdasarkan kepada peratusan jumlah barangan kitar semula yang diproses di kilang berbanding dengan jumlah sisa pepejal yang dijana. Pengiraan kadar kitar semula ini turut mengambil kira statistik jumlah populasi rakyat Malaysia pada tahun 2017 yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan menggunakan anggaran kadar janaan sisa pepejal sebanyak 1.17 kilogram per kapita sehari meliputi purata penduduk bandar dan luar bandar.

4. Peratusan kadar kitar semula ini juga disemak dan dimuktamadkan semasa Mesyuarat Penentuan Kadar Kitar Semula Kebangsaan yang dianggotai oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), SWCorp, DOSM, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Mestec).

5. Daripada aspek rancangan untuk mencapai sasaran kadar kitar semula kebangsaan seperti yang ditetapkan, SWCorp secara dasarnya giat melaksanakan program-program 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) secara bersepadu dan berterusan seperti berikut:

**a) Kempen Kesedaran dan Promosi Faedah 3R**

- Pemasangan *billboard* dan iklan di pengangkutan awam.
- Iklan di televisyen dan radio.
- Kempen berterusan di media sosial.

**b) Pendidikan**

- Modul Latihan Kelab Kitar Semula Sekolah Rendah dan Menengah.
- Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah.
- Sesi ceramah dan pameran.

**c) Program Keterlibatan**

- Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS).
- Pertandingan membina arca daripada barangan kitar semula (Pertandingan *Sculpture*).
- Program *Drive Thru*.
- Program 3R bersama industri.
- Program 3R di pejabat kerajaan.

**d) Mendaya Masyarakat**

- Penubuhan Kelab Kitar Semula.
- Kempen di sekolah dan komuniti sifar sisa pepejal.
- Pengkomposan sisa makanan dan "*Value Food No Waste*".
- Pembangunan mesin kitar semula "*Smart Recycle Bin*" bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

**e) Penguatkuasaan**

- Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca pada 1 Jun 2016.
- Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian pada 1 Ogos 2018.
- Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal Bagi Sisa Pepejal Pembinaan pada 1 November 2018.
- Pelaksanaan mekanisme *Extended Producer Responsibility* (EPR).